

13 JUN 2003

DR KOH-INSULIN/I

PULAU PINANG AKAN PUNYAI LOJI INSULIN MANUSIA PERTAMA DI ASIA

PULAU PINANG, 13 Jun (Bernama) -- GeneMedix Plc, sebuah syarikat bio-generik berpangkalan di British yang terlibat dalam pembangunan dan pengeluaran ubatan yang dihasilkan daripada kejuruteraan genetik akan membina loji insulin manusia pertama Asia di sini dengan pelaburan RM129.2 juta.

Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata sekiranya semua berjalan lancar seperti yang dirancang, syarikat itu akan memulakan pengeluarannya pada pertengahan 2005.

"Ini merupakan satu perkembangan penting bagi Malaysia dalam usahanya untuk beralih kepada pembangunan dan pengeluaran bio-tenologi dan bio-farmeseutikal pada tahap yang tinggi," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, hari ini.

Semalam, GeneMedix mengumumkan di London bahawa ia telah memeterai surat hasrat dengan Perbadanan Kemajuan Pulau Pinang (PKPP) di mana kedua-dua pihak akan bekerjasama menubuhkan sebuah syarikat di sini bagi tujuan pembangunan, pembuatan dan pemerdagangan insulin manusia.

"Jumlah pelaburan sebanyak RM129.2 juta itu dijangka dibiayai hasil daripada pinjaman pembangunan, geran dan terbitan ekuiti dalam syarikat yang akan ditubuhkan itu kepada pelabur tempatan," kata Koh.

GeneMedix tersenarai di kedua-dua bursa saham di London dan Singapura dan pengkerusinya adalah usahawan bio-teknologi kelahiran Malaysia, Dr Kim Tan.

Permintaan tahunan insulin manusia kini melebihi RM19 bilion (AS\$5 bilion), menjadikannya satu daripada sektor paling pantas berkembang berikutan peningkatan dalam jumlah pesakit diabetes (kencing manis).

Koh berkata PDC akan menyediakan tanah perindustrian dan membantu dalam mendapatkan kemudahan pinjaman pembangunan dan pembiayaan lain.

"Kedua-dua pihak akan bekerjasama bagi membawa masuk pelabur tempatan dalam projek tersebut, satu proses yang sedang diusahakan. GeneMedix akan menyumbang kepakaran insulinnya kepada syarikat baru yang akan dibentuk itu sebagai pulangan kepada pembayaran pendahuluan dan yuran royalti yang dibayar bagi jualan pukal," katanya.

Menurut Koh, beliau telah menerima surat daripada ketua pegawai eksekutif GeneMedix Paul Edward awal minggu ini mengesahkan keputusan firma British itu untuk memilih Pulau Pinang disebabkan oleh kemudahan prasarananya yang baik, pangkalan pembuatan dan sokongan padu daripada PKPP.

"Walaupun kita merasa bangga dipilih berbanding bandar-bandar utama Asia yang lain, kita masih perlu bekerja keras bagi memastikan prasarana yang sempurna, insentif, kepakaran dan sumber manusia dapat disediakan untuk melaksanakan projek bertaraf dunia ini," katanya.

Koh berkata beliau telah memaklumkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berhubung keputusan GeneMedix itu. -- BERNAMA

AZE TJK ZK